



Peserta pasukan debat UTHM berkongsi kemenangan mereka bersama.

UTHM juara debat alam sekitar

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) muncul juara Pertandingan Debat Alam Sekitar institusi pengajian tinggi (IPT) yang diadakan di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kejayaan itu sekali gus mengangkat martabat UTHM yang berjaya menewaskan 27 pasukan dari IPT seluruh Malaysia yang turut bertanding.

Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM, Profesor Ir Dr Amir Hashim Mohd Kassim berkata, UTHM memperoleh kemenangan tersebut setelah melalui beberapa peringkat saringan.

Menurutnya, kejayaan tersebut menjadikan UTHM sebagai universiti teknikal pertama yang memecah benteng kejuaraan sebelum ini yang hanya dipelopori oleh beberapa universiti sahaja.

"Pertandingan debat alam sekitar yang bertemakan 'Negara Maju Dalang Pemanasan Global' tersebut telah menuntut setiap pasukan membuat persediaan rapi melalui pembacaan, kajian dan penghayatan terhadap isu tempatan dan antarabangsa.

"Pasukan UTHM yang berdebat mewakili kerajaan menyahut cabaran ini dengan membuat persediaan yang secukupnya sebelum menterjemahkannya dalam bentuk perbahasan kepada penonton," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penutup dan pertandingan debat berkenaan di

Kompleks Perdanasiswa, UM.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UM, Profesor Datuk Dr Rohana Yusof; Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Puan Halimah Hassan dan Setiausaha Kanan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datin Junaidah Kamarrudin.

Dalam pada itu Amir berkata, pertandingan debat menggunakan Bahasa Melayu ini telah mencatat sejarah kerana tahun ini genap 20 tahun usia penganjurannya sekali gus menjadi pertandingan debat tertua di Malaysia dan paling mendapat sambutan daripada IPT seluruh Malaysia.

Katanya, penganjuran debat yang kali pertama diperkenalkan pada tahun 1986 ini adalah medan kepada mahasiswa untuk mengupas isu-isu alam sekitar secara ilmiah.

"Tetapi perkara yang paling penting ialah ia boleh memangkin kesedaran mereka terhadap kecintaan kepada alam sekitar dan juga sebagai platform dalam memupuk budaya debat dalam kalangan mahasiswa," katanya.

Pasukan UTHM yang diwakili oleh Muhammad Hakim Zainal, Janifal Alifah, Lee Te Chuan dan Amirul Faiz Abdul Latif berjaya membawa pulang tunai RM8,000 berserta piala iringan dan sijil penyertaan.

Selain itu setiap peserta juga diberi peluang mengendalikan simulasi pemanduan kapal terbang secara eksklusif oleh Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS).